



**PERBADANAN KEMAJUAN BUKIT FRASER
(TOURISM PAHANG)
JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut:-

1. Jawatan : **PENOLONG JURUAUDIT GRED W5 - KONTRAK**
(1 Kekosongan di Kuantan)
2. Klasifikasi : Kewangan
3. Kump. Perkhidmatan : Pelaksana
4. Jadual Gaji :

Gaji Minimum	: RM1,650.00
Gaji Maksimum	: RM6,620.00
Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	: RM145.00
5. Imbuhan dan Elaun :

Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA)	: RM160.00
Imbuhan tetap Perumahan (ITP)	: RM300.00
Bantuan Sara Hidup	: RM350.00
6. Syarat-syarat Lantikan :
 - i. Sijil dalam bidang Pengajian Perniagaan atau Penyimpanan Kira yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred W5 : RM1,650.00); atau
 - ii. *Certified Accounting Technician (CAT)* yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji Permulaan pada Gred W5 : RM1,650.00); atau
 - iii. Diploma Perakaunan atau Diploma dalam bidang Pengajian Perniagaan, Kewangan atau Perbankan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred W5 : RM1,893.00); atau
 - iv. *Licentiate of The Chartered Institute of Secretaries and Administrators of United Kingdom* dalam bidang Pentadbiran Kewangan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred W5 : RM2,136.00).

7. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu :

- i. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

8. Syarat Tambahan :

- i. Berpengalaman sekurang-kurangnya 2 tahun dalam membantu Juruaudit (W9) dalam membuat kerja-kerja pengauditan, pengurusan aset dan pengurusan kewangan.
- ii. Mampu menguruskan pengurusan kewangan jabatan (perisian kewangan).
- iii. Calon yang mempunyai pengalaman berkhidmat di firma audit akan diberikan keutamaan.

Peraturan Memohon

- i. Pemohon hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan yang boleh diperolehi dari Ibu Pejabat, Tourism Pahang (Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser), No. 33 & 33A, ICT HUB (Indian Town), Jalan Putra Square 4, 25200 Kuantan atau pejabat Pengurusan Hartanah di Bukit Fraser dengan harga RM2.00 sekeping. Borang permohonan juga boleh dibeli secara online dengan membuat pembayaran sebanyak RM2.00 ke akaun Maybank PKBF No. 506016201324 dan emailkan bukti pembayaran ke webtourism16@gmail.com. Pihak kami akan menghantar borang permohonan ke email tuan/puan.
- ii. Permohonan melalui pos hendaklah disertakan dengan sampul surat berukuran 10cm x 23cm (4in x 9in) beralamat sendiri dan bersetem RM0.60.
- iii. Borang permohonan hendaklah diisi dengan selengkapnya dan disertakan **SALINAN SIJIL YANG DISAHKAN DAN GAMBAR BERUKURAN PASSPORT (TERBARU)** dan alamat kepada :
- iv.

Pengurus Besar
Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser
(Tourism Pahang)
No. 33 & 33A, ICT HUB (Indian Town),
Jalan Putra Square 4,
25200 Kuantan, Pahang Darul Makmur.

(Sila catatkan nama jawatan yang dipohon di sudut atas sebelah kanan sampul surat)
- v. Tarikh tutup permohonan adalah **19 JANUARI 2026 (ISNIN)**. Permohonan yang lewat dan tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.
- vi. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- vii. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup dianggap gagal.